

09 APR 2002

Mahathir-Lawatan/I

LAWATAN DR MAHATHIR KE TIGA NEGARA BERTUJUAN TINGKATKAN HUBUNGAN

PUTRAJAYA, 9 April (Bernama) -- Lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Maghribi, Libya dan Bahrain minggu depan akan meningkatkan hubungan Malaysia dengan negara-negara berkenaan, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

"Tujuannya ialah untuk meningkatkan hubungan dua hala dan melihat bidang kerjasama ekonomi yang boleh diperkukuhkan dengan negara-negara ini," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Dr Tatsuo Arima, wakil khas Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi di pejabatnya di sini.

Syed Hamid berkata lawatan Dr Mahathir ke Maghribi dan Bahrain sebenarnya sebagai membalas kunjungan rakan sejawatan beliau ke negara ini sementara lawatan ke Libya adalah atas jemputan pemimpin negara itu Muammar Gaddafi.

Lawatan Dr Mahathir ke negara-negara Afrika utara Maghribi dan Libya serta negara Teluk Parsi Bahrain dijadualkan pada 15 hingga 21 April. Beliau akan diiringi 100 ahli perniagaan Malaysia.

Malaysia, menurut Syed Hamid berharap akan mengikat hubungan ekonomi yang lebih erat dengan ketiga-tiga negara itu kerana masih terdapat banyak peluang perniagaan yang boleh diterokai oleh syarikat-syarikat Malaysia.

Bagi tahun lepas, perdagangan Malaysia dengan Bahrain adalah sebanyak 0.05 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangannya di dunia, sementara dengan Maghribi dan Libya adalah lebih rendah masing-masing pada tahap 0.01 peratus dan 0.003 peratus.

Syed Hamid menarik perhatian bahawa sudah ada syarikat Malaysia yang menyertai kegiatan ekonomi di negara-negara berkenaan dengan yang paling ketara ialah Petronas, syarikat petroleum negara.

Petronas kini terlibat dengan satu konsesi untuk mencari gali minyak di sempadan Libya-Tunisia dan telah dianugerahkan dua blok mencari gali di Bahrain.

Beliau juga berkata sebagai sebahagian daripada lawatan Dr Mahathir ke Bahrain, Perdana Menteri akan turut merasmikan Pusat Pameran Perdagangan Malaysia di ibu negara Manama.

Pusat itu ditubuhkan bukan hanya untuk meningkatkan eksport dan hubungan dua hala dengan Bahrain tetapi juga untuk mencari landas pelancaran bagi menembusi pasaran Asia Barat yang berpotensi besar.

Ditanya sama ada isu ketegangan di Palestin akan disentuh oleh Dr Mahathir semasa pertemuan dengan pemimpin ketiga-tiga negara, Syed Hamid hanya berkata isu politik semasa biasanya akan dibincangkan apabila para pemimpin mengadakan pertemuan.

-- BERNAMA

MAD ZS RON